



KENYATAAN MEDIA

MRT CORP MENGANUGERAHKAN KONTRAK KERJA BAWAH TANAH RM15.47 BILION KEPADA MMC GAMUDA KVMRT (T) SDN BHD

Kuala Lumpur, 31 March 2016: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) ingin mengumumkan bahawa Pakej Kerja Bawah Tanah bagi Laluan MRT Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) telah dianugerahkan kepada MMC Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd (MGKT).

Nilai kontrak ini adalah RM15.47 bilion. Ini merupakan pakej kerja yang terbesar bagi pembinaan Laluan SSP.

Anugerah ini telah dibuat berikutan satu mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Sehati (OSPC) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak.

Pakej Kerja Bawah Tanah melibatkan pembinaan dan penyiapan terowong, stesen-stesen bawah tanah dan struktur-struktur yang berkaitan seperti portal dan syaf kecemasan bagi jajaran bawah tanah Laluan SSP sepanjang 13.5km dari Syaf Kecemasan Utara Jalan Ipoh ke Portal Selatan Desa Waterpark.

Ketua Pegawai Eksekutif Dato' Sri Shahril Mokhtar berkata kontraktor yang berjaya bagi Pakej Kerja Bawah Tanah telah membuktikan rekod prestasinya dalam menjalankan kerja-kerja penggalian dan lain-lain kerja bawah tanah menerusi geologi Lembah Klang yang mencabar.

"Hubungan kerja antara MRT Corp dan MGKT bermula dengan Laluan MRT Sungai Buloh-Kajang. Hubungan baik ini sekarang akan diteruskan dengan Laluan SSP," katanya.

Shahril berkata dengan semua pakej kerja ini, tender yang berjaya dipilih berasaskan penilaian tender terbaik, di mana tender dinilai berdasarkan aspek-aspek teknikal dan komersial. Ini bermakna tender yang berjaya tidak semestinya tender dengan harga yang paling rendah.

"Walau bagaimanapun, untuk tender ini, saya boleh mendedahkan bahawa penilaian tender terbaik mempunyai skor yang tertinggi bagi penilaian teknikal dan juga mempunyai harga yang terendah," katanya.



MGKT merupakan salah sebuah daripada lima syarikat yang telah disenarai pendek semasa proses pra-kelayakan yang diadakan pada Jun 2015. Empat syarikat yang lain merupakan China Railway Group Limited (CREC), China Communications Construction Company Limited, Taisei Corporation and Hyundai Engineering and Construction Company Limited.

Walau bagaimanapun, hanya MGKT, CREC dan China Communications Construction Company Limited yang mengemukakan tender.

MRT Corp akan mengeluarkan Surat Penganugerahan kepada kontraktor yang berjaya dalam masa yang terdekat.

Anugerah ini merupakan pakej kerja utama sivil dan infrastruktur yang ketiga dianugerahkan bagi Laluan SSP.

Sebelum ini, Pakej Kerja V202 bagi pembinaan dan penyiapan jejambat dan kerja-kerja berkaitan sepanjang 4.5km dari Persiaran Dagang ke Jinjang dianugerahkan kepada Ahmad Zaki Sdn Bhd. Nilai kontrak pakej kerja adalah RM1.44 bilion.

Seterusnya, Pakej Kerja V201 bagi pembinaan dan penyiapan jejambat dan kerja-kerja berkaitan sepanjang 4.9km dari Sungai Buloh ke Persiaran Dagang dianugerahkan kepada Sunway Construction Sdn Bhd. Nilai kontrak pakej kerja tersebut adalah RM1.21 bilion.

Laluan SSP adalah sepanjang 52.2km, 13.5km merupakan bawah tanah. Ia terdiri daripada 37 stesen, 11 daripadanya adalah stesen bawah tanah.

Secara keseluruhannya, terdapat 66 pakej kerja yang ditender untuk pembinaan Laluan SSP. Ini termasuk 10 pakej jejambat, satu pakej kerja-kerja bawah tanah, dua pakej kerja depot, 10 pakej kerja stesen, dan 15 pakej kerja medan tempat letak kereta bertingkat.

Pakej tender yang belum dianugerahkan adalah bagi kerja-kerja awal, saling-hubungan (connectivity), sistem, pembekal-pembekal yang ditetapkan dan kontraktor yang ditetapkan.

-tamat/ -

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Mr Leong Shen-li
MRT Corp

012-3196602/leong.shen-li@mymrt.com.my

Cik Amalina Ghazali
MRT Corp

016-2154055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my